

ENAKMEN KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH

NEGERI KELANTAN BIL. 2/1991 -

SATU KAJIAN DAN PENILAIAN

oleh

ZULKIPLI BIN NOR (G 911177)

DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN
KEHAKIMAN ISLAM (DIAIJ) SESSI 1991 - 1992

KULIAH UNDANG-UNDANG

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

PETALING JAYA

K A N D U N G A N

muka surat

Penghargaan	i
Mukaddimah	ii
Sinopsis	iii

BAB PERTAMA

- Sejarah dan Latar Belakang Penggubalan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Kelantan 1991	1
- Tarikh Mula Berkuatkuasa	9
- Pemansuhan Undang-Undang Lama	11

BAB KEDUA

- Qarinah dan Perkara-Perkara Yang Berkaitan (Seksyen 5 - 16)	12
- Kenyataan Oleh Orang-Orang Yang Tidak Boleh Dipanggil Sebagai Saksi (Seksyen 20 - 21)	24
- Kenyataan Yang Dibuat Dalam Keadaan Khas (Seksyen 22 - 42)	32
- Sebanyak Mana Kenyataan Dikehendaki Dibuktikan	34
- Keputusan Mahkamah Keadilan Bila Berkaitan	34
- Pendapat Orang Lain Bila Berkaitan	36
- Watak Bila Berkaitan	40

K A N D U N G A N

muka surat

BAB KETIGA

- Ikrar (Seksyen 17 - 19) 43
- Ikrar Wakil Di Dalam Kes-Kes
Jenayah 47

BAB KEEMPAT

- Kenyataan Yang Tidak Perlu Dibuktikan
(Seksyen 43 - 45) 61
- Ikrar Bersifat/Bersyarat 68

BAB KELIMA

- Keterangan Lisan
(Seksyen 46 - 47) 71

BAB KEENAM

- Kenyataan dan Keterangan Surat
(Documentary Evidence)
(Seksyen 48 - 71) 84

BAB KETUJUH

- Pembuktian Dan Beban Membukti
(Burden of Proof)
(Seksyen 72 - 82) 101
- Beban Membukti 106

K A N D U N G A N

muka surat

- Zan	108
- Syak	110
- Waham	111
- Pihak Yang Kena Dakwa (Pihak Yang Kena Tuntut)	114
- Syarat Pihak Yang Kena Tuntut	114
- Sumpah	117
- Keadaan Yang Boleh Terakad Sumpah	118
- Syarat-Syarat Sumpah	126
- Beban Membukti Dan Sumpah Ke Atas Pihak Yang Engkar (Mudda 'a Alaihi)	144

BAB KEIAPAN

- Darihal Saksi-Saksi (Seksyen 83 - 88)	147
--	-----

BAB KESEMBILAN

- Pemeriksaan Saksi-Saksi (Seksyen 89 - 118)	176
---	-----

BAB KESEPULUH

- Memastikan Adalah (keadilan) Saksi- Saksi (تزكية الشهود) (Seksyen 119 - 129)	191
--	-----

K A N D U N G A N

muka surat

BAB KESEBELAS

- Penilaian:
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah
2/91 Negeri Kelantan Sebagai Undang-
Undang Keterangan Islam 213
- Perbezaan Di Antara Akta Keterangan
Sivil 1950 Dan Enakmen Keterangan
Mahkamah Syariah 2/91 Negeri Kelantan 218
- Lampiran I, II dan III 224
- Bahan-Bahan Rujukan 227

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Amat Pemurah lagi Maha Penyayang, saya memberi penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Professor Mahmud Saedon bin Awang Osman kerana memberi tunjuk ajar dan bimbingannya kepada saya di dalam menyediakan kertas projek ini. Saya juga memberi penghargaan yang penuh kasih sayang kepada ibu saya yang telah mendoakan kepada saya di dalam mengikuti kursus Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam di Universiti Islam Antarabangsa sesi 1991 - 1992 ini. Tak lupa juga saya memberi penghargaan yang tidak terhingga kepada pihak JPA Bahagian Latihan dan Kerjaya yang memberi biasiswa kepada saya untuk mengikuti kursus ini, Pusat Islam Malaysia yang mengatur kursus ini dengan kerjasama UIA untuk menyediakan tempat dan kemudahan, SUK.Kn. dan Jabatan Mahkamah Qadhi Besar Kelantan yang memberi cuti untuk mengikuti kursus ini. Juga tidak lupa saya memberi penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Al-Fadhil Dato' Qadhi Besar Kelantan, Tuan Haji Daud bin Muhamad yang telah menolong dan membantu saya dalam menyediakan kertas projek ini dan seterusnya kepada mereka yang terlibat di dalam penyediaan kertas projek ini termasuklah jurutaip dan sebagainya.

Sekian, wassalam.

BISMILIAHIR RAHMANIR RAHIM

MUKADDIMAH

KERTAS PROJEK ini dikemukakan adalah sebahagian daripada syarat yang perlu dipenuhi untuk mendapat Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam dari UIA. Kertas Projek disediakan berdasarkan kepada kitab-kitab Feqah Islam yang muktabar, Tafsir, Hadith dan beberapa buah buku undang-undang yang berkaitan.

Oleh itu saya memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wataala, jika terdapat kesilapan sedikit-sebanyak semasa saya menterjemah atau mengambil nas-nas berkenaan. Ini semua adalah kelemahan saya sendiri. Saya mendoakan kepada tuan-tuan ampunya kitab yang saya ambil itu supaya dicucuri rahmat dan keampunan ke atas roh-roh mereka itu kerana telah memberi sumbangan yang besar kepada saya di dalam menyempurnakan kertas projek ini.

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

SINOPSIS

Dalam kertas projek yang saya kemukakan ini, tajuknya ialah 'Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Kelantan 2/91 - Satu Kajian dan Penilaian' adalah untuk mengkaji peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam enakmen ini serta menilai peruntukan berkenaan berdasarkan Hukum Syarak. Disamping itu dimasukkan juga unsur-unsur perbandingan di antara ciri-ciri keterangan Civil dan keterangan Mahkamah Syariah sekadar yang termampu.

Dalam Bab Pertama:

Perbicaraan ialah berkisar kepada Sejarah dan Latar belakang pengubalan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Kelantan Bil. 2/91, tarikh mula berkuatkuasa dan pemansuhan undang-undang lama.

Dalam Bab Kedua:

Bahagian ini memperuntukan beberapa Sek. berseesuaian dengan Qarinah, Kenyataan oleh orang yang tidak boleh dipanggil sebagai saksi, kenyataan yang dibuat didalam keadaan khas, sebanyak mana kenyataan yang dikehendaki dibuktikan, keputusan mahkamah keadilan bila

berkaitan, pendapat orang lain bila berkaitan dan watak bila berkaitan.

Bab Ketiga:

Huraian yang diberi ialah berkaitan dengan ikrar (Pengakuan), pengertian ikrar dan syarat-syaratnya juga berkenaan dengan ikrar seseorang yang berada di dalam Maradu Al-Maut. (مرض الموت)

Bab Keempat:

Peruntukan di dalam bahagian ini menerangkan perkara-perkara mengenai bukti, termasuklah nyataan yang tidak perlu dibuktikan.

Bab Kelima:

Bahagian ini memperuntukan perkara-perkara tentang Keterangan Lisan yang diberi sebagai shahadah atau bayyinah.

Bab Keenam:

Menghuraikan peruntukan tentang keterangan suratan, termasuklah ikrar atau pengakuan yang dibuat melalui suratan, suratan awam (Public Documents), cara membukti-

kan suratan dan pengertian keterangan asal.

Bab Ketujuh:

Bab ini memperuntukan tentang bukti, pihak yang berkewajipan memikul beban pembuktian, bagaimana cara membuktikan nyataan yang khas diketahui oleh seseorang, juga dihuraikan di dalam bahagian ini berkenaan dengan orang yang hilang (Al-Mafkud), bagaimana seseorang itu boleh dianggap hidup dan bagaimana pula dianggap mati, dan tanggungan membuktikan bagi mensabitkan hidup atau matinya seseorang yang hilang itu.

Bab Kelapan:

Peruntukan di dalam bahagian ini menjelaskan dari hal saksi; kelayakan seseorang saksi, syarat dan mutu saksi, bagaimana cara untuk diterima keterangan orang yang tidak layak menjadi saksi, bilangan saksi (nisab), cara memberi kesaksian dan keterangan. Perbezaan di antara kes jenayah dan kes sivil, kes yang boleh diterima melalui keterangan seorang saksi dan sumpah Yang Menuntut (YM).

Bab Kesembilan:

Bahagian ini memperuntukan cara dan perkara

tentang pemeriksaan saksi, susunan pengemukaan saksi-saksi di dalam kes-kes sivil dan jenayah, kuasa mahkamah untuk memutuskan sama ada suatu keterangan dan kesaksian itu boleh diterima atau tidak, jenis-jenis soalan yang dikemukakan kepada saksi (soalan utama, soalan balas dan soalan semula), syarat perkara yang boleh ditimbulkan dalam Soal Balas, kuasa mahkamah memutuskan suatu nyataan itu berkait atau tidak. Melalui bahagian inilah kebenaran dan kesahihan keterangan saksi ditentu dan dipastikan.

Bab Kesepuluh:

Bahagian ini memperuntukan kuasa mahkamah untuk menentukan keadilan (الحالة) seseorang saksi di dalam istilah perundangan Islam disebut proses Tazkiatul Assyuhud (تزكية الشهود), cara melakukan pemeriksaan saksi, pemeriksaan rahsia, bilangan pemeriksa saksi, pemeriksaan terbuka, bila saksi tidak perlu diperiksa, penafian ke atas sakti (الطعن), apabila pemeriksa saksi berbeza pendapat, keterangan dan kenyataan saksi ghaib/mati atau sebagainya, bila saksi boleh diminta bersumpah.

Bab Kesebelas:

Keperluan kepada Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, keperluan kesaksian menurut syariat Islam dan perbandingan serta perbezaan di antara Akta Keterangan

Sivil 1950 dengan Keterangan Mahkamah Syariah dan
Lampiran.

BAB PERTAMA

Sejarah dan Latar Belakang Penggubalan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 1991

Sejarah Penggubalan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Kelantan Bil. 2/91 ini bermula dari tahun 1976 lagi apabila Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan yang bersidang pada 24-1-1976 telah bersetuju supaya Undang-Undang Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam Bil. 1/66 dipinda, tujuan pindaan ini ialah untuk membaiki kelemahan dan mengemaskinikannya.¹

Termasuk di dalam Undang-Undang Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam itu ialah undang-undang yang berhubung dengan keterangan di Mahkamah Syariah bagi melicinkan lagi perjalanan pembicaraan di Mahkamah-Mahkamah Syariah dalam negeri ini.

Sehubungan dengan cadangan pindaan Undang-Undang Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam Bil. 1/66 yang disyorkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan itu satu jawatankuasa telah dilantik oleh kerajaan. Jawatankuasa ini diberi nama Jawatankuasa Khas Pindaan Undang-Undang 1/66. Tugas jawatankuasa ini ialah membuat kajian pindaan terhadap undang-undang Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam Bil. 1/66.

¹ SUK. (Kn.) 335/50 /Jld. IV (53) 4.2.76.

Keanggotaan Jawatankuasa ini terdiri daripada:-

1. Seorang Pengerusi yang pada masa itu dipegang oleh Timbalan Menteri Besar (TMB) Kelantan.
2. Dua orang timbalan pengerusi yang terdiri daripada wakil rakyat parti yang memerintah pada masa itu.
3. Penasihat Undang-Undang (IA).
4. Qadhi Besar Kelantan.
5. Timbalan Qadhi Besar Kelantan.
6. Timbalan Mufti Kerajaan.
7. Tuan Ketua Penyelia Agama Kelantan.
8. Ketua Pendakwa Jenayah.
9. Qadhi Jajahan Tumpat.
10. Qadhi khas bagi jajahan Kota Bharu sebagai Setiausaha.

Setelah jawatankuasa ini dibentuk kerajaan negeri juga telah menjemput dua orang ahli akademik yang terkenal di dalam bidang undang-undang untuk mendapat khidmat dan pandangan mereka berdua. Kedua-dua mereka ialah Tan Sri Profesor Ahmad Muhammad bin Ibrahim dan Profesor Madya Nik Abdul Rashid bin Nik Abdul Majid.

Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuarat untuk

menggariskan cara-cara pendekatan kajian pindaan undang-undang 1/66.²

Dalam mesyuarat pertama yang diadakan, jawatankuasa khas ini bersetuju menubuhkan dua jawatankuasa kecil iaitu; Jawatankuasa Kecil Perundangan dan Jawatankuasa Kecil Akhlak.

Jawatankuasa Kecil Perundangan dianggotai oleh ahli-ahlinya yang terdiri daripada Yang Berhormat Haji Wan Hashim bin Wan Ahmad, Qadhi Besar Kelantan, Timbalan Qadhi Besar Kelantan, Tuan Haji Muhammad bin Haji Abdul Rahman dan Tuan Haji Daud bin Mohamad selaku Setiausaha.

Jawatankuasa Kecil Akhlak dipengerusikan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdullah bin Ahmad dan ahli-ahlinya terdiri daripada Timbalan Mufti Kerajaan Kelantan, Tuan Ketua Penyelia Agama Kelantan, Pendakwa Jenayah Kelantan dan Haji Daud bin Muhammad selaku Setiausaha.

Walaupun jawatankuasa khas ini telah menubuhkan jawatankuasa kecil, mereka juga telah meminta pandangan berhubung dengan pindaan yang hendak dicadangkan daripada orang perseorangan, pertubuhan dan badan-badan yang ada di negeri ini, di antara orang perseorangan, pertubuhan dan badan-badan yang diminta pandangan mereka ialah semua qadhi di negeri Kelantan, Yang DiPertua Majlis Agama Islam

²Ibid.

dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Pensyarah-pensyarah tempatan, Yang DiPertua ABIM Negeri Kelantan, Pengarah Biro Bantuan Guaman Malaysia, Pusat Islam Malaysia, UMNO Negeri Kelantan dan beberapa badan lagi yang berkaitan dengan Agama Islam, boleh dikatakan hampir 15 orang dan 10 buah badan dan pertubuhan yang diminta pandangan oleh jawatankuasa khas ini.³

Pada dasarnya jawatankuasa khas ini dalam tahun 1976 telah mencadangkan suatu undang-undang yang digelar Undang-Undang Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Keluarga dan Masyarakat Islam 1976. Tetapi cadangan tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan berhubung dengan suasana politik semasa.

Setelah kerajaan negeri Kelantan bertukar tangan dari pemerintahan PAS kepada Barisan Nasional, keanggotaan jawatankuasa khas ini turut berubah, Pengerusinya yang baru ialah Dato' Hussain bin Haji Ahmad, Timbalan Menteri Besar (TMB) ketika itu, dua orang ahli baru dilantik menggantikan ahli lama yang digugurkan kerana telah gugur dari pemerintahan kerajaan, mereka yang dilantik sebagai ganti ialah Yang Berhormat Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman dan Wan Lokman bin Haji Wan Ahmad, seorang ahli baru telah ditambah iaitu Yang DiPertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Yang Berhormat Dato Haji

³Bil.(6)dlm.MKB.(Kn.) 285(5)

Nik Sulaiman bin Haji Nik Daud, sementara ahli-ahli yang lain dikekalkan.

Hasil daripada perbincangan dan mesyuarat yang diadakan oleh jawatankuasa khas pindaan undang-undang 1/66 ini ialah Undang-Undang Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam Bil.1/66 yang terlalu umum dan mencakupi berbagai undang-undang itu telah dipecah dan diasingkan kepada beberapa bahagian atau enakmen yang berasingan untuk mengemaskan lagi perjalanan dan pentadbiran Mahkamah Syariah khususnya di negeri Kelantan.

Sejak dari 24-1-1976 hasil daripada cadangan jawatankuasa ini, beberapa enakmen telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan:

1. Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Kelantan Bil.3/82.
2. Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan Bil.1/83.
3. Enakmen Acara Jenayah Syariah Negeri Kelantan Bil.9/83.
4. Enakmen Acara Civil Syariah Negeri Kelantan Bil.5/84.
5. Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan Bil.2/85.
6. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Kelantan Bil.2/91.

Enakmen yang terkemudian sekali diluluskan ialah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Kelantan. Enakmen ini telah digubal dan dikaji oleh jawatankuasa tersebut sejak dari tahun 1986 dan semasa dibuat semakan semula untuk dikemukakan kepada kerajaan Negeri, timbul pula draf yang hampir sama dengan draf tersebut yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Civil Kebangsaan di mana draf ini telah dikaji dan dibincangkan di peringkat zon timur yang mengandungi negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan, dipengerusikan oleh Tan Sri Datuk Profesor Ahmad bin Ibrahim manakala negeri Kelantan diwakili oleh Yang Berhormat Dato Penasihat Undang-Undang, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri, Dato' Mufti dan Qadhi Besar disamping beberapa orang ahli lain di peringkat pusat dan sebelum itu telah dibincangkan di beberapa zon lain di Malaysia.

Hasil daripada perbincangan di zon Timur ini yang berasaskan kepada draf Akta Keterangan Wilayah Persekutuan dan negeri Kelantan, draf tersebut digubal semula dan disesuaikan untuk negeri Kelantan yang akhirnya diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada 24-4-1991.

Enakmen tersebut sebelum diluluskan telah dikemukakan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan untuk mendapat pandangan dan nasihatnya. Ini adalah sesuai dengan peruntukan Perlembagaan Negeri di bawah perkara VI (I) Bahagian Pertama.

Pada 7-10-1990 draf enakmen tersebut telah dibawa ke dalam Mesyuarat Majlis dan mesyuarat membuat keputusan bersetuju dan memperakukan draf tersebut dengan pengesyoran supaya dimasukkan satu jadual bagi menjelaskan skrip bahasa Arab untuk beberapa perkataan dan ungkapan tertentu. Jadual tersebut disediakan bagaimana yang terdapat di akhir enakmen ini.

Oleh itu dapatlah dibuat kesimpulan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Kelantan 1991 yang telah diluluskan itu adalah hasil dari pecahan Undang-Undang Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam Bil.1/66 yang berhubung dengan BAHAGIAN DUA (II) - Bidang Kuasa Mahkamah Syariah di bawah Peraturan Am, Sek. 18 (1), (2) dan (3) yang berbunyi:

Sek. 18 (1) "Mahkamah hendaklah patuh kepada semua syarat-syarat hukum syarak mengenai bilangan, taraf atau nilai saksi-saksi atau keterangan-keterangan yang dikehendaki untuk membuktikan mana-mana kenyataan. Selain daripada yang tersebut itu maka mahkamah hendaklah mengambil perhatian kepada undang-undang Keterangan yang pada masa itu berjalan kuatkuasa dalam negeri ini dan hendaklah berpandu kepada lunas-lunas baginya. Tetapi tidaklah semesti memakainya dengan ketat.

- (2) Mahkamah berkuasa mengambil sumpah dan ikrar, keterangan hendaklah lazimnya diberi dengan sumpah menurut cara yang terpakai kepada orang-orang Islam tetapi dengan apa-apa suatu sebab yang khas bolehlah mahkamah membenarkan dengan tidak bersumpah dan mengambil keterangan dengan ikrar. Suatu ikrar itu hendaklah menurut demikian:

"Saya _____ (nama) berikrar bahawa dalam perkara ini saya akan bercakap benar, semuanya yang benar tiada lain melainkan yang benar."

Sama ada dengan sumpah atau ikrar maka hendaklah seseorang saksi itu memberi keterangan yang betul.

- (3) Jika pada pendapat mahkamah mana-mana saksi telah dengan sengaja memberi keterangan bohong dalam mana-mana perbicaraan mahkamah bolehlah memberitahu perkara itu kepada pendakwaraya atau timbalannya, atau sebaliknya mahkamah itu bolehlah menjalankan semua kuasa yang demikian sebagaimana Bab 12 daripada Undang-Undang Sumpah dan Ikrar tahun 1949, yang dikurniakan kepada *pengadil* kelas

satu dalam perkara yang sama dengan tertakluk selalunya kepada sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh bab yang tersebut.

Sesiapa yang dihukum di bawah syarat bab kecil ini hendaklah berhak ia membuat rayuan seolah-olah ianya dihukum di bawah undang-undang yang tersebut.⁴

Oleh yang demikian kewujudan dan kemunculan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Bil. 2/91 Negeri Kelantan ini adalah sebagai pembesaran dan pendetailan kepada Seksyen tersebut di atas.

Tarikh Mula Berkuatkuasa:

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2/91 Negeri Kelantan ini mula berkuatkuasa pada 1 Oktober 1991. Tarikh penetapan berkuatkuasa ini ada^{lah} bersesuaian dengan peruntukan yang diberi di bawah Sek. I Bab I Enakmen ini, yang mana Enakmen ini memperuntukkan bahawa mula berkuatkuasa hendaklah pada tarikh yang ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan melalui pemberitahuan di dalam warta.⁵

⁴Undang-Undang Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam Bil. 1/66 Negeri Kelantan Sek. 18.

⁵Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Bil. 2/91 Negeri Kelantan, Sek.I.

Pemberitahuan berkuatkuasa enakmen ini telah disiarkan di dalam warta kerajaan Kelantan di dalam warta tersebut dinyatakan; pada menjalan kuasa kuasa yang diberikan oleh Sek. I Enakmen 2 /91 ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dengan ini menetapkan 1 Oktober 1991 sebagai tarikh mula berkuatkuasa Enakmen ini.⁶

Penguatkuasaan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2 /91 Negeri Kelantan ini adalah bersesuaian dengan keadaan semasa dan tidak berlawanan dengan Akta Parlimen mengenai bidang kuasa Jenayah Mahkamah Syariah (Pindaan 1984). Pindaan ini telah memberi kuasa yang lebih kepada Mahkamah Syariah untuk menjatuh hukuman yang lebih berat iaitu hukuman penjara sehingga 3 tahun atau apa-apa denda sehingga \$5,000.00 atau sebat enam rotan atau gahungan kedua-dua hukuman tersebut.

Akta ini adalah pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah, 1965 (Bidang Kuasa Jenayah) yang hanya memper-
untukkan hukuman apa-apa kesalahan hanya boleh dihukum dengan penjara untuk satu tempoh tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi \$1,000.00 atau kedua-duanya.

⁶Warta Kerajaan P.U.30, bertarikh 22 September 1991.

Pemansuhan Undang-Undang Lama:

Setelah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Bil. 2 /91 diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan, kemudian dikuatkuasa pada 1 Oktober 1991, maka Sek. 23 daripada Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Bil. 3 /82 itu terhenti dipakai di dalam perbicaraan di Mahkamah Syariah.

Sebelum Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Bil. 3 /82 diluluskan, peruntukan mengenai keterangan adalah mengikut Sek. 18 daripada Undang-Undang Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam Bil. 1 /66 Negeri Kelantan. Tetapi setelah Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Bil. 3 /82 diluluskan, ianya telah membatalkan dan memansuhkan Sek. 18 daripada Undang-Undang Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam Bil. 1 /66, seterusnya menguatkuasakan Sek. 23 (1) dan (2) daripada Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Bil. 3 /82.

Dan manakala Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Bil. 2 /91 Negeri Kelantan diluluskan ianya pula memansuhkan peruntukan 23 (1) dan (2) daripada Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Bil. 3 /82 Negeri Kelantan.

BAB KEEMPAT

QARI'AH DAN PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN

Sek. 4 Keterangan boleh diberi dalam mana-mana guaman atau perbicaraan mengenai wujud atau tidak wujudnya tiap-tiap nyataan yang menjadi soal dan mengenai nyataan lain yang ditetapkan kemudian daripada ini sebagai qari'ah dan tidak mengenai mana-mana nyataan lain.

Isi bagian ini menjelaskan jenis keterangan yang boleh diberi kepada mahkamah di dalam sesuatu guaman atau perbicaraan adalah keterangan yang menjadi bukti kepada perkara yang dipertikaikan atau perkara di dalam persoalan (Facts & issues) atau keterangan yang boleh mengesatikan qari'ah dan fakta yang berkaitan (Relevant facts).

Qari'ah pada bahasa ialah berserta, bersama atau bersahabat atau ditakrifkan juga dari segi bahasa sebagai tanda yang menunjukkan di atas sesuatu yang dikehendaki⁷

عقربا (عقربا) ; Artinya: "Itu yang menunjukkan di atas sesuatu yang dikehendaki."

Dari segi istilah, qari'ah itu ditakrifkan sebagai tiap-tiap tanda yang nyata yang berserta dengan

⁷Dr. Wahbah az-Zuhaili 'Al-Fiqhul Al-Islami Waadilatuhu' Matbaah Adzadzulfikri, Jilid 3, Cetakan ketiga 1409H = 1989M, halaman 644.